

## **Representasi Emosi melalui Penulisan Karya Puisi berkaitan dengan COVID-19 di Malaysia**

***Representation of Emotion through Poetry in relation to COVID-19***

Mohd Shahremy Ikmal Shahbudin  
[sahremyikmal@usm.my](mailto:sahremyikmal@usm.my)

Universiti Sains Malaysia, Malaysia

**Published:** 28 April 2024

**To cite this article (APA):** Md Nasir, M. R., & Subet, M. F. (2024). Pembelajaran Peribahasa Menurut Perspektif KSSM Bahasa Melayu: Analisis Menggunakan Pendekatan Semantik Inkuisitif. *PENDETA*, 15(1), 81–93. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.1.7.2024>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.1.8.2024>

### **ABSTRAK**

Penularan Novel Coronavirus (2010-nCoV) atau dikenali sebagai COVID-19 pada penghujung 2019 telah membimbangkan penduduk dunia. Sehubungan dengan itu, mereka menggunakan pelbagai platform media sosial untuk menyuarakan kebimbangan melalui emosi terhadap penularan wabak ini. Pengaruh emosi yang dinukilkkan melalui penulisan kreatif mewujudkan pengaruh positif dan negatif dalam penyampaianya. Kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh manakah emosi mempengaruhi dalam penulisan kreatif yang dihasilkan. Kaedah analisis teks berdasarkan kepada teori *Big Five Personality* oleh McCrae dan Costa (1999) dan teori emosi Cannon-Bard dan Arnold Ellis (1931) telah digunakan dalam kajian ini. Hasil dapatan menunjukkan bahawa emosi dalam karya kreatif terutamanya puisi, dipengaruhi oleh representasi yang menyebabkan sesebuah karya itu mempunyai intipati tersendiri untuk difahami dan dihayati maksud sebenarnya. Kesimpulannya, dalam kajian ini mendapati bahawa hubungan antara representasi dan emosi adalah saling berkaitan sehingga mampu melahirkan sebuah karya kreatif yang menerapkan penyampaian yang bermakna kepada penerima. Implikasinya, representasi yang wujud dalam penulisan kreatif terbahagi membantu dalam perkembangan pemikiran dan penggunaan bahasa yang dihasilkan.

**Kata Kunci:** Representasi; emosi; puisi; penulisan; COVID-19; kesusasteraan

### **ABSTRACT**

The spread of the Novel Coronavirus (2010-nCoV), also known as COVID-19, at the end of 2019 has concerned people worldwide. In response, they have used various social media platforms to express their concerns through emotions regarding the spread of this epidemic. The emotional influence conveyed through creative writing creates both positive and negative impacts in its delivery. This study was conducted to examine how emotions influence the produced creative writing. Text analysis methods based on the Big Five Personality theory by McCrae and Costa (1999) and the Cannon-Bard and Arnold Ellis (1931) emotion theories were used in this study. The findings show that emotions in creative works, especially poetry, are influenced by representations that give a piece of work its unique essence to be understood and appreciated for its true meaning. The conclusion of this study found that the relationship between representation and emotion is interrelated, enabling the creation of a creative work that conveys meaningful messages to the audience. The implication is that the representations present in creative writing help in the development of thought and the use of language produced.

**Keywords:** Representation; emotion; poem; writings; Covid-19; literature.

## PENGENALAN

Wabak koronavirus dikesan dalam tubuh manusia sekitar bulan Disember 2019. Koronavirus merupakan keluarga besar virus yang boleh menyebabkan jangkitan pada saluran pernafasan. Pada 12 Februari 2020, Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) telah memberikan nama rasmi untuk koronavirus, iaitu COVID-19 (WHO, 2020). Kewujudan wabak ini telah menyebabkan manusia perlu membiasakan diri dengan kehidupan norma baharu, iaitu meliputi penjarakan sosial, kuarantin dan pematuhan terhadap SOP, terutamanya semasa fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia yang bermula pada 18 Mac 2020 dan menyebabkan kehidupan masyarakat berubah berada dalam lingkungan “penjara”. Kehidupan dalam norma baharu ini telah menyebabkan wujudnya pelbagai emosi dalam kalangan manusia, seperti membangkitkan perasaan sedih, marah, bimbang, takut, kecewa, rasa bersalah, putus asa, risau dan celaru yang mempengaruhi kehidupan manusia.

Penularan virus COVID-19 ini menyebabkan manusia mengalami tekanan dalaman yang melibatkan perasaan dan emosi. Kesan daripada tekanan dalaman melibatkan perasaan dan emosi ini turut mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku manusia dalam berhadapan dengan virus COVID-19. Selain itu, perasaan dan emosi juga mempengaruhi pemikiran negatif terhadap diri sendiri, orang lain atau persekitaran mereka (WHO, 2022). Hakikatnya, masyarakat dunia khasnya di Malaysia tidak bersedia menghadapi “serangan” COVID-19 ini yang datang secara mengejut. Setiap perubahan yang berlaku dalam kehidupan norma baharu memberikan tekanan sehingga mengakibatkan ketidakstabilan emosi atau kerisauan dan menyebabkan berlakunya kebimbangan dalam kehidupan sehari-hari. Perubahan menyebabkan individu mengalami tekanan (*stress*) dengan keadaan yang berbeza antara satu sama lain pada setiap hari. Walaupun tekanan ini merupakan tindak balas normal dalam keadaan krisis, namun hal tersebut menyumbang kepada masalah kesihatan mental seperti kemurungan (*depression*), keresahan (*anxiety*), keceluaran bipolar (*bipolar disorder*) dan skizofrenia (*schizophrenia*). Sokongan psikososial perlu sentiasa tersedia untuk diberikan kepada mereka yang memerlukan (WHO, 2022).

Rakyat Malaysia menjadikan media sosial sebagai platform untuk meluahkan perasaan dengan memuat naik pelbagai kandungan seperti status, perkongsian kreatif, gambar, video dan sebagainya ketika menjalani Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Penggunaan laman sosial meningkat secara mendadak dan berperanan sebagai medium hiburan dan sosial bagi menghilangkan rasa takut dan kebimbangan terhadap penularan virus COVID-19 ini. Ketika PKP, internet dan media sosial menjadi medium komunikasi utama rakyat Malaysia sehinggakan pelbagai emosi dizahirkan melaluiinya. Antara medium penulisan yang digunakan untuk menzahirkan emosi ialah melalui penulisan karya sastera di internet (Oh & Han, 2020). Penulisan karya sastera di internet memberikan gambaran tentang realiti sosial manusia yang sebenarnya (Wellek, 1988). Komunikasi melalui penulisan di internet ini mempengaruhi perubahan dan revolusi, iaitu melalui komunikasi berbentuk struktural dan teknikal terhadap masyarakat secara keseluruhannya (Van Djik, 2006). Hal ini kerana komunikasi di internet melalui penulisan mempunyai ciri-ciri konvergens, rangkaian digital, capaian global, interaktiviti, dan komunikasi ramai kepada ramai yang menggabungkan semua elemen komunikasi lisan, tulisan, visual, data, dan bunyi (Lievrouw & Livingstone, 2002), tetapi menggunakan komputer dan alat telekomunikasi bagi menyatukannya dalam satu platform (Boyd & Elliso, 2007; Siti Ezaliela & Azizah, 2010). Komunikasi yang berhasil melalui penulisan di internet ini seterusnya membentuk komunikasi baharu dalam komuniti (Van Djik, 2006).

Pelbagai inisiatif digunakan untuk menzahirkan emosi dan perasaan dalam penulisan (Hannah & Murachver, 1999). Emosi dan perasaan yang wujud dalam penulisan adalah melibatkan interaksi interpersonal kerana kekurangan isyarat verbal untuk pentafsiran sesuatu mesej dan tidak bersifat peribadi untuk penyampaian dan penerimaan oleh individu lainnya (Lievrouw & Livingstone, 2002; Wood & Smith, 2005). Laman-laman yang menyediakan jaringan sosial dalam talian membolehkan pengguna atau ahli-ahlinya membentuk tanggapan, mengekalkan hubungan, dan memperoleh hubungan baharu (Albrechtslund, 2008). Ia menjadi tempat untuk bertemu dengan mereka yang mempunyai minat yang sama, meluahkan dan bertindak. Ia menjadi alat dan utiliti bagi orang ramai untuk berhubungan antara satu sama lain (Siti Ezaliela Mustafa & Azizah Hamzah, 2010).

Dalam penulisan karya sastera, gabungan kreativiti menjadi medium penyampaian maklumat dan seterusnya memberikan manfaat kepada masyarakat. Penulisan karya sastera di media sosial berupaya menjadi medium penyampaian mesej moral kepada masyarakat melalui kesedaran dalam menghayati erti kehidupan yang sebenarnya. Oleh yang demikian, dalam penerimaan ilmu pengetahuan tentang karya sastera ini, penerima haruslah bijak dalam menilai dan menerima unsur dalam karya berkenaan. Penulis merupakan manusia yang dianugerahkan dengan bakat dan kebolehan dalam menyerlahkan kreativiti yang ada dalam dirinya. Penulis mempunyai kreativiti dalam mentafsirkan kehidupan berdasarkan sensitiviti yang berhubung kait dengan emosi seseorang manusia. Emosi yang wujud melalui sensitiviti ini berlaku apabila berlakunya penerimaan maklumat yang dihantar ke otak manusia. Sensitiviti dalam penulisan kreatif sebenarnya telah banyak diperlihatkan oleh pengarang dalam kreativiti mereka. Dari sudut psikologi, sensitiviti adalah respon terhadap sesuatu kejadian yang menyentuh elemen-elemen kejiwaan. Sensitiviti manusia berlaku apabila alat-alat pancaingeranya menghantar maklumat ke otak. Begitu juga halnya melalui penulisan kreatif dalam kalangan pengkarya. Penulisan berkaitan isu-isu semasa acapkali ditampilkan dalam penulisan karya.

Kajian-kajian yang pernah dikaji sebelum ini menyatakan yang mesej melalui karya sastera dapat menyampaikan mesej moral untuk mendidik masyarakat (Shahnon Ahmad, 1991). Hal ini memperlihatkan bahawa melalui karya sastera masyarakat dapat menghargai kehidupan, memperoleh ilham dan pandangan baharu terhadap perihal hidup. Arba'ie Sujud & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2011) memperlihatkan bahawa karya sastera berfungsi dalam menyampaikan maklumat yang berkesan kerana sastera dapat mempengaruhi emosi individu. Karya sastera sangat penting kerana peranannya untuk membina keperibadian yang baik, emosi yang terancang dan pembentukan pemikiran yang mantap dalam diri individu (Ani Hj Omar, 2015). Arba'ie Sujud *et. al* (2014), kehadiran rasa dan emosi dalam karya mampu merangsang emosi dan perasaan dan tanpanya karya jadi hambar dan tidak mampu menarik perhatian pembaca untuk meneruskan pembacaan. Bahan sastera dari segi peranannya dapat menyampaikan sesuatu mesej dan unsur secara halus dan secara tidak langsung. Seterusnya, beliau berpendapat cara ini sudah tentu akan menjadikan penyampaian dan perkongsian lebih berkesan. Manakala Othman Puteh (1998) pula berpendapat karya sastera tidak sahaja mempunyai muatan keseronokan untuk tuntutan emosi tetapi juga berguna bagi melahirkan kebaikan moral dan intelektual. Oleh yang demikian, dapatlah dirumuskan bahawa nilai-nilai sastera dalam kehidupan manusia berjaya membentuk sahsiah, mengasuh kefahaman minda, menghalusi nilai estetika dan menjadi penghantar penting dalam proses seseorang menguasai dan memperoleh nilai-nilai hidup yang diaplikasikan dalam kehidupannya contohnya seperti dalam penulisan puisi.

Puisi merupakan karya sastera yang popular dan dijadikan sebagai medium penyampaian emosi (Anwar Effendi, 2015). Hal ini kerana puisi bermaksud keindahan, irama dan mempunyai bentuknya yang tersendiri. Puisi mempunyai pelbagai elemen, iaitu menerapkan pelbagai makna tersirat dan tersurat, yang kadangkalanya sukar untuk difahami dengan lebih jelas. Puisi mengandungi emosi yang menjadi penyampai pengkarya untuk menjelaskan pemikiran yang dimuatkan di dalamnya (Abdul Halim Ali, 2006). Di dalam puisi, terdapatnya hubungan-hubungan dan perkembangan fikiran yang menunjukkan kesinambungannya dalam penyampaian (Asmah Haji Omar, 1980). Namun demikian, adakalanya penyampaian melalui puisi sukar untuk difahami oleh pembaca terutamanya emosi yang diterapkan dalam naratif puisinya. Oleh yang demikian, kajian ini memaparkan pemahaman emosi yang dimuatkan dalam karya puisi untuk difahami berdasarkan situasi penularan COVID-19 Melalui kajian ini, dapat diterjemahkan sejauh mana emosi manusia terhadap kebimbangan terhadap penularan COVID-19 melalui karya kreatif yang disampaikan melalui penulisan.

## EMOSI MELALUI PENULISAN DALAM KARYA SASTERA

Kepelbagaiannya emosi dalam jiwa manusia merupakan lumrah dan sentiasa wujud tidak kira dalam apa keadaan sekalipun (Elder& Zucker, 1993). Begitu juga dalam pengkarya sastera, penulisan yang berhasil dan dipaparkan merupakan karya yang bersifat positif dan negatif dan turut membantu dalam perkembangan diri penulis itu sendiri. Emosi dalam penulisan karya sastera, berhasil melalui individu itu sendiri, iaitu melalui pengaturan dan penetapan serta penyusunan emosi untuk diterima oleh penerima (Gross & Thompson, 2007). Penetapan dan penyusunan emosi dilakukan untuk menstabilkan

emosi positif dan negatif dalam penulisan (Ani Haji Omar, 2015). Dalam penulisan, pengkarya menerapkan elemen emosi bagi mewujudkan rasa kecintaan terhadap karya yang dihasilkan. Individu melahirkan pelbagai maksud dan makna yang hendak disampaikan dan diketahui oleh pembaca. Emosi dalam diri manusia seperti rasa cinta, takut, bimbang dan putus asa ini wujud berdasarkan keupayaan seseorang individu untuk mengawal dirinya sendiri. Dalam penulisan, emosi digambarkan melalui pemilihan dan penggunaan teks, kemudiannya dipaparkan emosi tersebut melalui pernyataan (Gross & Thompson, 2007). Pemaparan emosi melalui teks tersebut bertujuan untuk penilaian emosi positif dan negatif dalam penulisannya. Emosi yang wujud dalam penulisan diri seseorang merupakan lahirnya secara lahiriah, dan seseorang bertindak balas dengan berkesan untuk mengekspresikan emosi yang dialami oleh dirinya itu (Nurhafizah Abd Halim Aziz, 2015).

Emosi yang diekspresikan melalui penulisan membantu dalam mengatasi tekanan dalaman dan diri yang dirasai oleh seseorang (Cacioppo, 1999). Tekanan dalaman yang wujud disebabkan oleh emosi diri ini menyebabkan emosi seseorang itu mengalami perubahan (Rezki et al., 2019). Perubahan emosi membantu dalam penyampaian yang lebih memberikan manfaat kepada diri sendiri dan orang lain. Meskipun demikian, tidak dinafikan kadangkala emosi mengawal diri seseorang dalam penulisan menyebabkan hantaran penulisan yang berhasil bersifat positif dan negatif (Cannon, 1931). Penulisan yang bersifat positif dan negatif membantu pengkarya dalam perkembangan penulisannya. Halangan melibatkan penghasilan karya yang bersifat dalaman dirinya dan mengakibatkan mesej yang hendak disampaikan menjadi celaru dan tidak difahami oleh sasaran penerima.

Menurut Badenhorst (2018), telah memperkenalkan tiga konsep dalam penulisan dengan menerapkan elemen emosi, iaitu penulisan secara bebas, menulis berdasarkan penulisan negatif dan penggunaan perwakilan objek untuk meluahkan perasaan. Tiga konsep dalam penulisan ini penting untuk memberikan kefahaman kepada individu lain. Kefahaman yang diterima oleh penerima menyebabkan penyampaian mesej itu diterima dengan baik melalui penerapan emosi dalam penulisan. Oleh itu, melalui tiga konsep ini memperlihatkan bahawa setiap penulisan manusia itu mengandungi emosi yang perlu difahami dan dihayati oleh penerima (Cox, 1987).

Emosi dalam penulisan menjadi petunjuk kepada kecenderungan pengkarya dalam karya yang dihasilkannya. Penerapan emosi dalam karya ini melibatkan persepsi untuk diterima dan difahami oleh penerima (Elder & Zucker, 1993). Namun demikian, tidak dinafikan penafsiran persepsi melalui emosi pengkarya ini bukanlah mudah untuk dinilai (Scholl, 2001). Hal ini adalah kerana penafsiran makna dalam karya yang dihasilkan pengkarya ini bergantung pada diri individu itu sendiri terhadap pemahaman dan pengetahuannya sendiri. Oleh itu, emosi yang dimuatkan dalam penyampaian merupakan suatu pengalaman subjektif yang berbentuk luhan dan melibatkan tindak balas fisiologi seseorang. Pengaruh emosi berupaya untuk mempengaruhi diri dan seterusnya mencorak tingkah laku individu berkenaan. Oleh demikian, dilihat bahawa penghasilan karya-karya kreatif yang dipengaruhi oleh isu COVID-19 ini menjadi medium penyampaian pengkarya untuk memperlihatkan kegusaran dan rasa emosi terhadap penularan virus yang semakin meluas ini.

## METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap kandungan teks dalam puisi. Puisi dipilih kerana mengandungi tema dan persoalan pemikiran, iaitu melalui gaya penyampaian atau gaya persembahannya. Data kajian dikumpulkan daripada pemilihan puisi-puisi secara rawak yang dihasilkan di media sosial sepanjang pandemik COVID-19 ini berleluasa. Puisi-puisi yang dihasilkan adalah bertemakan COVID-19 sahaja, dan dikirimkan untuk bacaan umum. Puisi-puisi yang dinilai adalah yang dihasilkan daripada bulan Januari 2020 sehingga November 2020 sahaja. Jumlah puisi yang dinilai ialah sebanyak sepuluh sahaja, iaitu puisi yang mempunyai nilai *view* yang tinggi dalam kalangan pengguna media sosial. Teks puisi dicapai melalui laman media sosial Facebook sahaja. Seterusnya, daripada kumpulan puisi yang dipilih dan dikenal pasti itu, teks dalam puisi berkenaan disesuaikan. Pengelasan emosi yang wujud dalam teks puisi dinilaikan berdasarkan ketetapan yang telah disenaraikan oleh McCrae dan Costa (1999) dalam Jadual 1 di bawah yang berikut;


### Jadual 1 Emosi dan penerangan

Emosi	Keterangan
Takut	bimbang dan memberikan kesan kepada individu
Marah	wujud rasa tidak puas hati dan berasa terancam
kegembiraan	kepuasan diri yang dirasai
Kesedihan	emosi dalaman
pengharapan	memerlukan untuk memenuhi keinginan
Simpati	kasihan dan memberikan sokongan

Senarai teks dalam puisi yang dikenal pasti sebagai emosi itu kemudiannya disesuaikan dengan maksud yang diiktirafkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui laman web yang berfungsi sebagai pangkalan data pengistilahan, iaitu <http://www.prprm.dbp.gov.my>. Senarai emosi yang diperoleh dalam Jadual 1 adalah berdasarkan kepada ketetapan dalam Teori *Big Five Personality* yang terbukti dominan dan diguna pakai dalam penilaian emosi manusia dalam pelbagai aspek secara realiti atau melalui aspek lainnya, seperti dalam kajian ini melalui penulisan. Enam emosi yang diperoleh ini merupakan hasil kajian dan ketetapan yang terdapat dalam senarai emosi yang disenaraikan oleh McCrae dan Costa (1997) dalam teorinya. Dalam teorinya, wujud dua kecenderungan yang menggunakan emosi dalam penilaian individu, iaitu melalui kecenderungan *Extraversion* dan *Neuroticism*. Kedua-dua kecenderungan ini mempunyai emosi yang mempengaruhi individu dalam penilaianya (Wood & Smith, 2005). Emosi yang wujud dalam kedua-dua kecenderungan ini digunakan dalam penilaian individu melalui penulisan dan juga aspek lainnya. Penilaian melalui situasi dan pengaruh individu itu sendiri (Hannah. & Murachver, 1999). Ketetapan emosi yang disenaraikan dalam jadual adalah dominan dan diguna pakai dalam kajian-kajian membuktikan personaliti manusia (Hannah, 1999). Emosi-emosi yang disenaraikan ini dikenal pasti melalui penggunaan teks dalam bait-bait puisi. Teks yang bercirikan emosi dijadikan bahan kajian oleh pengkaji untuk menilai makna dan mesej yang disampaikan oleh pengkarya dalam puisinya. Setiap emosi, dikenal pasti pernyataan naratif dalam penyampaianya. Penilaian naratif dalam teks dilakukan melalui pembacaan pengkaji dan menilai situasi yang wujud dalam naratif penyampaian puisi berkenaan. Seterusnya, setelah dikenal pasti jenis-jenis emosi, kemudiannya dianalisis menggunakan teori emosi dan ekspresi emosi untuk memahami makna dan mesej yang disampaikan oleh pengkarya melalui puisi yang dihasilkan.

### TEORI EMOSI DAN EKSPRESI EMOSI

Dalam menjelaskan emosi penulisan karya kesusasteraan, penggunaan teori emosi oleh Cannon-Bard dan Arnold Ellis (Cannon, 1927) telah digunakan. Teori ini menyatakan bahawa yang rangsangan seseorang bertindak balas melalui emosi yang kemudiannya memberikan tindakan terhadap perasaan dan diri individu. Dalam penilaian emosi, fisiologi digunakan untuk menilai emosi yang wujud dalam diri manusia (Cannon, 1931). Berdasarkan fisiologi ini, emosi yang berhasil adalah di bawah kawalan sel otak untuk sesuatu tindakan yang dilakukan (Scholl, 2001). Selain itu, fisiologi juga mentafsirkan untuk berlakunya tindak balas. Tindak balas yang berhasil menyebabkan wujudnya perasaan dan emosi (Kirsh, 2012). Perasan dan emosi ini seterusnya diperlihatkan melalui representasi (Gottman & Katz , 2002). Representasi dinukilkan melalui penulisan, percakapan untuk difahami oleh individu lainnya (Gross & Thompson, 2007). Dalam kajian yang dijalankan ini, model teori emosi Cannon-Bard dan Arnold Ellis telah diubahsuai untuk menganalisis representasi melalui karya kesusasteraan, iaitu puisi.



Rajah 1 Model teori emosi Cannon-Vard dan Ellis yang diubahsuai

Berdasarkan teori kognitif Arnold-Ellis yang telah diubahsuai ini, penekanannya digunakan untuk menilai penilaian terhadap sesuatu peristiwa atau rangsangan yang menyebabkan tercetusnya emosi dalam tindakan. Oleh demikian, penggunaan teori kognitif ini adalah untuk menilai penerapan emosi dalam karya sastera. Dalam rangsangan luaran, merupakan penghasilan idea berdasarkan persekitaran dan situasi yang berlaku dalam mempengaruhi penciptaan karya kreatif. Rangsangan luaran ini melibatkan pengaruh daripada persekitaran, individu sekeliling dan pencetusan idea secara spontan. Seterusnya, di peringkat talamus dan konteks serebral, melibatkan sokongan idea seperti penggunaan data dan fakta dalam penghasilan karya kreatif. Fakta yang digunakan dalam karya kreatif membantu dalam percambahan ilmu dan pengetahuan terhadap kumpulan sasaran dan individu lainnya. Seterusnya, melalui persepsi emosi, merupakan kefahaman dalam pengkaryaan yang disampaikan oleh pencipta karya kreatif untuk diterima dan dihayati oleh pembaca karya kreatif berkenaan. Kemudiannya, kefahaman dan penghayatan diinterpretasikan oleh pembaca dan kumpulan sasaran untuk dihayati maksud dan mesej yang dimuatkan di dalam karya kreatif berkenaan. Setelah penerima menghayati emosi dan memahami penulisan karya kreatif yang ditunjukkan, penerima mengaplikasikannya atau memberikan maklum balas terhadap karya kreatif yang dihasilkan. Maklum balas yang terhasil oleh pembaca karya kreatif akan memahami ilmu baharu dan seterusnya memahami kegusaran terhadap isu global mengenai mesej utama yang disampaikan dalam sebuah karya kreatif.

Dilihat daripada teori emosi yang digunakan ini, sesebuah karya kreatif itu mempunyai nilai rasa untuk diterima oleh pembaca. Emosi yang wujud inilah yang dirasai seseorang dalam berhadapan dengan peristiwa atau sesuatu tertentu (Arba'ie et al. 2014). Oleh yang demikian, metodologi yang dihasilkan ini digunakan untuk memahami emosi melalui representasi dalam penulisan karya kreatif, iaitu puisi yang berkaitan dengan isu COVID-19.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bermulanya isu COVID-19, yang melanda dunia dan Malaysia telah menyebabkan berlakunya kekalutan dalam pelbagai hal urusan dunia. Dunia kesusasteraan juga tidak ketinggalan berhadapan dengan konflik dalam memperkembangkan budaya kesusasteraan ini. Oleh itu, bait-bait puisi yang dipilih secara rawak oleh penyelidik dalam laman sosial FB dianalisis bagi menjelaskan tentang emosi yang wujud melalui penulisan karya kreatif bertemakan COVID-19.

Munculnya dengan tiba-tiba,  
Bersama menyaingi pandemik Covid-19.  
Suatu serangan hendap, memerangkap;

Musibah silih berganti P1  
Hadir tanpa banyak persediaan,  
Masing-masing dalam kelekaan.  
Perebutan mengekal kuasa,

Menyerangi dan meredah pertiwi tercinta.  
Mengulangi kembali sejarah yang dilupai;  
Apakah sebagai petunjuk, dugaan.

Ianya suatu musibah serta balasan.  
Hadapi dengan tabah, sabar.  
Ambil pengajaran, iktibar!

Waktu Covid-19 ganas menular,  
Virus Covid bagaikan sihir P2  
Rakyat kini menderita!  
Ramai juga yang selamat P3

Waktu Covid-19, PKP dan pengangguran.  
Juga kenaikan harga barang keperluan;  
Saat ekonomi kini merudum, jatuh.

Entah bilakah kembali pulih, teguh.  
Harapan terus punah P4  
Ada pihak seperti tidak kisah,

Demi mencari jalan untuk berjaya P5  
Wiraku, penat lelah tak dihirau P6  
Pentingkan diri sendiri!

Daripada bait-bait puisi yang dipilih ini kemudiannya disesuaikan dengan teori McCrae dan Costa (1999). Sebanyak enam jenis emosi yang dikenal pasti dalam penulisan puisi ini, iaitu takut, marah, kegembiraan, kesedihan, pengharapan dan simpati. Jenis-jenis emosi ini merupakan antara ciri emosi yang tersenarai dalam *Teori Big Five Personality* yang wujud melalui penulisan (Plutchik, 1984).

Kesemua bait puisi yang dipilih disesuaikan melalui kewujudan emosi dalam baris teks yang digunakan dalam penulisan penciptaan puisi. Jadual 1 di bawah menunjukkan emosi dan contoh teks yang digunakan untuk penyampaian emosi di dalamnya. Berdasarkan paparan dalam Jadual 1, sebanyak 6 emosi yang disenaraikan wujud dalam penulisan rangkap puisi oleh pengkarya.


**Jadual 1** Emosi dan contoh teks dalam puisi

Emosi	Teks
Takut	P1 : Musibah silih berganti
marah	P2: Virus covid bagaikan angin sihir
Kegembiraan	P3: Ramai juga yang selamat
Kesedihan	P4: Harapan terus punah
Pengharapan	P5: Demi mencari jalan untuk berjaya
Simpati	P6: Wiraku, penat lelah tak dihirau

Berdasarkan Jadual 1, sebanyak enam jenis emosi dikenal pasti melalui penggunaan perkataan yang mewakili penyampaian emosi oleh pengkarya. Dalam teks P1, emosi takut wujud melalui penggunaan teks ‘musibah silih berganti’ yang bermaksud pelbagai cabaran dan dugaan terjadi kepada manusia masa kini. Bait puisi ini juga membawa maksud manusia di bumi ini sentiasa diuji dengan pelbagai dugaan terutamanya melalui penyakit dan cabaran dalam meneruskan kehidupan harian. Baris puisi P1 ini juga turut menyatakan yang manusia tidak bersedia dengan dugaan dan cabaran kerana kedatangannya tidak dijangka dan diduga. Seterusnya, dalam P2, emosi marah ditunjukkan dalam teks ‘Virus COVID bagaikan ahli sihir’. Penggunaan metafora melalui gambaran teks dengan perkaitan rasa ketidakpuasan hati terhadap situasi yang berlaku. Situasi yang berlaku juga turut melibatkan pengaruh daripada individu dan persekitaran yang dialami oleh manusia. Dalam P3, emosi kegembiraan ditunjukkan dalam baris teks ‘ramai yang terselamat’ yang menunjukkan ketenangan oleh pengkarya dalam berhadapan dengan situasi meruncing masa kini. Dalam teks ini juga penyampaianya adalah bermaksud yang manusia terus cuba untuk melawan pandemik COVID 19 ini meskipun tidak pasti kejayaannya disebabkan situasi dunia masa kini yang masih berhadapan kegagalan untuk mendapatkan vaksin yang sesuai untuk mengubati COVID 19 ini. Dalam emosi ‘kesedihan’ melalui penggunaan teks ‘Harapan terus punah’ menunjukkan tentang perasaan dalaman individu yang kecewa dengan situasi yang berlaku. Kekecewaan dalaman ini memberikan kesan kepada individu yang rapat dengan pengkarya puisi. Selain itu, dalam baris teks P4 ini juga menunjukkan yang pengkarya mengharapkan keadaan situasi virus ini terus lenyap daripada membahayakan nyawa manusia di seluruh dunia meskipun tidak mempunyai keyakinan berdasarkan situasi semasa masa kini. Dalam teks P5, iaitu ‘pengharapan’, dilihat melalui teks ‘Demi mencari jalan untuk berjaya’ dinyatakan oleh pemuisi untuk mencari solusi terbaik yang menghalang virus Covid 19 terus merebak di seluruh dunia terutamanya di Malaysia. Penggunaan metafora mencari jalan yang digunakan dalam baris puisi ini adalah untuk memberikan gambaran terhadap usaha tanpa henti yang dilakukan dalam menghindari virus COVID 19. Seterusnya, dalam emosi ‘simpati’, ditunjukkan dalam P6 melalui teks menyatakan penghargaan terhadap individu yang terlibat dalam usaha menangani COVID 19 ini terutamanya petugas kesihatan dan petugas keselamatan negara. Pencipta puisi menggunakan istilah wira untuk menggambarkan penghargaan tinggi kepada kesemua mereka ini.

**REPRESENTASI EMOSI DALAM PUISI**

Berdasarkan kepada analisis terhadap emosi yang wujud dalam bait puisi yang dipilih, dilihat bahawa penggunaan emosi dalam penulisan bertujuan untuk menjadi medium kepada pembaca untuk difahami. Penggunaan emosi dalam bait puisi ini merangkumi aspek yang wujud melalui representasi. Jadual 2 menunjukkan hubungan antara representasi dan emosi dalam penulisan puisi.



**Rajah 2** Model Teori Emosi Cannon-Vard dan Ellis yang diubah suai

Representasi terbahagi kepada dua aspek, iaitu melalui pemikiran dan penggunaan bahasa seperti yang ditunjukkan dalam dapatkan data Rajah 1. Kefahaman berkaitan representasi terhadap emosi membantu dalam meningkatkan pemahaman untuk diri sendiri, orang lain dan juga persekitaran (Webb, 2009). Emosi yang wujud dalam Jadual 1, dilahirkan secara pemikiran dan penggunaan bahasa dalam pewakilannya. Dalam rangsangan luaran, representasi dilihat wujud melalui persekitaran yang memberikan idea kepada pengkarya untuk mencipta puisi berdasarkan situasi dan keadaan yang diketahui oleh manusia (Kirsh, 2012). Hal ini dapat dilihat dalam Rajah 1 berdasarkan kepada senarai dapatkan yang diperoleh. Berdasarkan situasi pandemik COVID-19, dilihat yang idea penciptaan puisi menjurus kepada kesan yang diterima manusia akibat daripada virus ini. Kesan melibatkan keadaan manusia yang menerima akibat daripada berleluasanya virus COVID-19 ini. Seterusnya, representasi terhadap talamus dan konteks serebral pula melibatkan representasi penciptaan idea untuk perkembangan idea dalam pengkaryaan kreatif (Subrahmanyam & Smahel, 2010). Dalam penciptaan idea penulisan kreatif puisi ini, penggunaan metafora digunakan bagi menunjukkan gambaran terhadap idea, situasi dan fakta berkaitan tentang isu utama pemaparan penciptaan karya. Dalam aspek ketiga, iaitu persepsi melalui emosi dilihat membantu melalui luahan perasaan dalaman dan pengaruh daripada faktor lainnya yang menggabungkan penggunaan teks dan metafora dalam penulisan. Aspek keempat melalui emosi interpretasi pula menggunakan perkembangan dan solusi melalui cadangan dan penghayatan untuk diterima oleh individu lain melalui penciptaan ideanya yang diutarakan. Selain itu, melalui interpretasi juga ditunjukkan hubung kait antara situasi dengan keadaan yang memberikan impak besar kepada manusia sehingga mengganggu kehidupan. Seterusnya, dalam emosi hipotalamus melibatkan penyelesaian dalam memberikan impak terhadap emosi yang diterapkan dalam pengkaryaan. Penyelesaian juga melibatkan sokongan dan dorongan terhadap manusia untuk menghadapi cabaran dan dugaan yang sedang dihadapi masa kini. Dan, akhirnya melalui karya kreatif yang dihasilkan, memberikan kesan kepada individu melalui ekspresi. Ekspresi manusia dibahagikan kepada dua, iaitu ekspresi positif dan ekspresi negatif.

Hasil daripada dapatan kajian dalam Rajah 1, didapati bahawa representasi melalui pemikiran menjadikan penyampaian idea dan penulisan mempunyai keunikan dan kreativitinya yang tersendiri. Pemikiran yang berhasil dalam diri manusia merupakan abstrak yang seterusnya diterjemahkan melalui bahasa berdasarkan kepada emosi yang wujud. Representasi pemikiran merupakan proses dalam penghasilan idea, pemaknaan dan nilai dalam hubungan kefahaman untuk diterima dan difahami. Hasil daripada representasi pemikiran yang mempengaruhi emosi berhasil ini menjadikan sebuah karya itu lebih berkualiti dan mudah untuk difahami oleh pembaca. Melalui representasi pemikiran ini menyebabkan karya yang dihasilkan memberikan percambahan idea untuk pembaca menilai dan memperolehi manfaat melalui makna yang dimuat dalam karya.

Justeru, dilihat daripada representasi ini pengkarya menjadikan penulisan kreatif, iaitu melalui penggunaan metafora untuk menyampaikan mesej dalam karya kreatifnya. Penggunaan metafora dan perkaitan dalam penyampaian emosi melalui penulisan kreatif ini mempunyai perkaitannya dengan pemikiran individu berkenaan. Pemikiran yang lahir inilah memberikan nilai positif kepada penerima untuk dihayati dan difahami.

## KESIMPULAN

Representasi yang disampaikan melalui penulisan karya kreatif ini menggabungkan pelbagai representasi emosi yang diwakilkan melalui penulisan. Dalam penulisan, pelbagai emosi boleh disampaikan dan bertindak menjadi perantara di antara pengkarya dan penerima karya yang dipamerkan dalam medium penulisan terutamanya dalam karya sastera. Oleh yang demikian, melalui penyampaian puisi ini hasil daripada representasi virus COVID-19 ini dapat dilihat bahawa makna yang termuat di dalam penyampaian puisi ini adalah berkaitan dengan pelambangan pemikiran dan kreativiti pengarang. Dari segi konteks sastera, penyampaian bahasa melalui puisi ini mempunyai kelebihan dan kekuatannya yang tersendiri disebabkan oleh keindahan dan kekuatan bahasa dalam penyampaiannya.

Kesimpulannya, penggunaan puisi dalam menyampaikan medium bacaan bersesuaian untuk memberikan gambaran kehidupan dan fikiran manusia terhadap situasi dan keadaan yang berlaku ketika ini. Puisi dan karya sastera lainnya merupakan antara penyumbang pembentukan minda dalam kalangan pengkarya dan penimbaca. Melalui karya kreatif dengan menggunakan bahan sastera, keseimbangan pembentukan dan perkembangan dari aspek kognitif akan menjadi lebih berkesan.

## RUJUKAN

- Abdul Halim Ali. (2006) *Ikhtisar Teori dan Kritikan Sastera: Barat dan Malaysia*. Tanjung Malim: Penerbitan Profesional Baharu.
- Albrechtslund, A. (2008). Online social networking as participatory surveillance. *First Monday*, 13(3), 1-10.
- Ani Hj Omar, (2015) Pendidikan sastera remaja di Malaysia dalam membina generasi unggul berdasarkan falsafah. *PENDETA Jurnal Bahasa dan Sastera Melayu*, 5, 1-22.
- Anwar Effendi (2015) Aspek puisi dan emosi. *Jurnal Ilmiah Bahasa, sastra dan pengajarannya*. 7(18), 49-58.
- Arba'ie Sujud, Nik Muhammad Affendi, Nik Rafidah, (2011) Pembentukan emosi kanak-kanak melalui bahan bacaan sastera, *Jurnal Pengajian Melayu*, 1(22), 66-89.
- Arba'ie Sujud et. al (2014), Ekspresi emosi melalui bahan bacaan sastera kanak-kanak. *Jurnal Melayu*, 1(13).72-84.
- Asmah Haji Omar, (1980). Analisis wacana. *Jurnal Dewan Bahasa*, 24(4), 11-25. Kuala Lumpur.
- Badenhorst, C. (2018). Citation practices of postgraduate students writing literature reviews. *London Review of Education*, 16, 121-135.
- Boyd, D.M., & Ellison, N. B. (2007). Social Network Sites: definition, history, and scholarship. *Journal of Computer-Mediated Communication*, 13(1), 210–230.
- Cannon, W.B. (1931). Again the James-Lange and the thalamic theories of emotions. *Psychological Review*, 38, 281-295.
- Cannon, W. B. (1927). The James-Lange theory of emotions: a critical examination and an alternative theory. *The American Journal of Psychology*, 39, 106–124

- Cox, W. M., & Klinger, E. (1987). Research on the personality correlates of alcohol use: Its impact on personality and motivational theory. *Drugs & Society: Drug Use and Psychological Theory*, 1, 61-83.
- Cacioppo, J. T. & Gardner, W. L. (1999). Emotion. *Annual Review of Psychology*, 50, 191-214.
- Elder, J., & Zucker, S. (1993). The effect of contour closure on the rapid discrimination of two-dimensional shapes. *Vision Research*, 33, 981-991.
- Gottman, J.M., Katz, L.F., (2002). Children's emotional reactions to stressful parent-child interactions: the link between emotion regulation and vagal tone. *Marriage and the Family Review*, 34, 265-283.
- Gross, J. J., & Thompson, R. A. (2007). *Emotion Regulation: Conceptual Foundations*. In J. J. Gross (Ed.), *Handbook of Emotion Regulation* (3-24). New York: Guilford Press.
- Hannah, A. & Murachver, T. (1999). Gender and conversational style as predictors of conversational behaviour. *Journal of language and social psychology*, 18(2), 153-174.
- Hannah, A. (1999). Speech style in gendered communication (Thesis, Doctor of Philosophy). Retrieved from <http://hdl.handle.net/10523/5593>
- Kirsh, S. J. (2012). *Children, adolescents, and media violence: A critical look at the research* (2nd ed). Sage Publications.
- Lievrouw, Leah A. & Livingstone, S. (eds.) (2002), *Handbook Of New Media: Social Shaping And Social Consequences – Fully Revised Student Edition*. London, UK: SAGE Publications.
- McCrae, R. R., & Costa, P. T., Jr. (1999). Personality trait structure as a human universal. *American Psychologist*, 52(5), 509-516.
- Nurhafizah Abd Halim Aziz. (2015). Emotion and regulation and academic performance among IIIUM students: A preliminary study. *Jurnal psikologi Malaysia*, 29 (2). 81-92.
- Oh SH, Lee SY, Han C. (2020). The Effects of Social Media Use on Preventive Behaviors during Infectious Disease Outbreaks: The Mediating Role of Self-relevant Emotions and Public Risk Perception. *Health communication*, 1-10.
- Othman Puteh, (1998). *Tanggapan terhadap sastera remaja*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Plutchik, R. (1984). Emotions and imagery. *Journal of Mental Imagery*, 8(4), 105-111
- Rezki Perdani Sawai, Salhah Abdullah, Dini Farhana Baharudin et. al. (2009). Penerapan nilai-nilai Islam melalui penggunaan media dalam pendidikan. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Media dan Pemikiran Islam (MIST 2009). 21-22 Julai.
- Scholl, B. J. (2001). Objects and attention: the state of the art. *Psychology Medicine*, 80 (1), 1-46.
- Shahnon Ahmad, (1991). *Sastera sebagai seismograf kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Ezaliela Mustafa & Azizah Hamzah, (2010). Media sosial: Tinjauan terhadap laman jaringan sosial dalam talian tempatan. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 12(2), 37-52.
- Subrahmanyam, K., & Smahel, D. (2010). Digital youth: The role of media in development. Springer Science & Business Media.
- Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia. (2020). *Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia*. <https://www.mcmc.gov.my/en/home>.
- Van Djik. (2006). Discourse, context and cognition. *SAGE Journals*, 8(1), 159-177.
- Webb, J. (2009). Understanding representation, SAGE, Los Angeles, USA.
- Wellek, R., (1988) *Teori kesusasteraan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- World Heath Organization, (2022). Coronavirus desease (COVID-19) pandemic: <https://data.who.int/dashboards/covid19/cases?n=c>
- Wood, A. & Smith, M. (2005). *Online communication: Linking technology, identity & culture* (2nd Ed.) Lawrence Erlbaum Associates.